



KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL
Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR
MALAYSIA

Tel. : 603-8892 7412
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : nikzalbiha@jdn.gov.my

Ruj Kami : JDN.100-1/3/1 (7)
Tarikh : 6 Mac 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato',

TATACARA PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato' kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT Sektor Awam (JPPI) telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) pada 29 Januari 2018 bagi menambah baik ekosistem pengurusan pemantauan projek ICT sektor awam. Penubuhannya bertujuan untuk memperkukuh ekosistem pengurusan serta menjadi platform utama bagi pemantauan, penyelarasan dan pelaporan pelaksanaan projek ICT sektor awam di peringkat nasional. Selain itu, JPPI berperanan penting dalam menilai kemajuan projek, mengenal pasti isu pelaksanaan serta mengesyorkan langkah penambahbaikan bagi memastikan setiap projek mencapai objektif yang ditetapkan.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat JPPI Bilangan 2 Tahun 2025 yang bersidang pada 13 November 2025 telah memutuskan agar makluman mengenai pemantauan projek ICT, termasuk Penyelarasan Varian Pemantauan Projek ICT disebarluaskan kepada semua agensi. Bagi menyokong hasrat ini, Jabatan Digital Negara (JDN) telah membangunkan Tatacara Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam sebagai panduan komprehensif yang selaras dengan dasar, hala tuju dan pekeliling Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen tatacara tersebut untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato' selanjutnya.

JDN.100-1/3/1 (7)

4. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/ Dato' adalah dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan tatacara yang ditetapkan.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TS. NIK ZALBIHA BINTI NIK MAT)

SENARAI EDARAN

1. YBhg. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
2. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
3. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
4. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
5. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
6. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
7. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
8. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
9. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
10. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
11. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
12. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
13. YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
14. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
15. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
16. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

17. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
18. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
19. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
20. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
21. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
22. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
23. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
24. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
25. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
26. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
27. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
28. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Digital

**TATACARA PEMANTAUAN PROJEK
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
(ICT) SEKTOR AWAM**

**JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. TUJUAN.....	1
2. LATAR BELAKANG.....	1
3. PEMANTAUAN PROJEK ICT PERINGKAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (JPPI).....	2
4. PEMANTAUAN PROJEK ICT PERINGKAT KEMENTERIAN DAN AGENSI.....	3
5. PEMAKAIAN.....	4
6. LAMPIRAN	
LAMPIRAN A1.....	5
LAMPIRAN A2.....	7
LAMPIRAN A3.....	11

TATACARA PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM

1. TUJUAN

- 1.1 Tatacara ini bertujuan untuk **menyediakan panduan pemantauan projek ICT** kepada agensi sektor awam dengan mengambil kira dasar, hala tuju dan pekeliling kerajaan berkaitan yang berkuat kuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT Sektor Awam (JPPI) telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) pada 29 Januari 2018 bagi memperkukuh ekosistem pengurusan pemantauan projek ICT sektor awam.
- 2.2 JPPI juga berfungsi sebagai platform pemantauan, penyelarasan dan pelaporan berkaitan pelaksanaan projek ICT sektor awam di peringkat nasional. Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau status kemajuan projek, mengenal pasti isu-isu pelaksanaan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi memastikan projek ICT sektor awam dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Mesyuarat JPPI hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau mengikut keperluan. Surat Arahan ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Am Bilangan 7 tahun 2024 - Garis panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam.
- 2.3 Hasil pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh JPPI mendapati terdapat keperluan untuk menyelaras semula varian peratus kelewatan. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat JPPI Bilangan 2 Tahun 2024 pada 15 November 2024, bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan projek ICT serta mengelakkan projek daripada berisiko gagal atau ditamatkan.

3. PEMANTAUAN PROJEK ICT PERINGKAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (JPPI)

3.1 Mesyuarat JPPI Sektor Awam Bilangan 1 Tahun 2025 yang diadakan pada 22 April 2025 telah memutuskan sebagai langkah proaktif, **tindakan kawalan dan intervensi** perlu dilaksanakan lebih awal di peringkat agensi dan JPPI. Bagi tujuan tersebut, JPICT kementerian/agensi hendaklah melaksanakan pemantauan projek ICT sektor awam berdasarkan varian seperti **Jadual 1** di bawah:

STATUS PROJEK	JULAT VARIAN	TINDAKAN
Ikut Jadual	Ikut Jadual $\geq 0\%$	JPICT kementerian/agensi
Lewat Jadual	Lewat Jadual: <ul style="list-style-type: none"> i. Peratus kemajuan projek -1% hingga -5% ii. Peratus kemajuan projek melebihi -5% hingga -10% 	JPICT kementerian/agensi JPPI JDN
Lewat Jadual (Sakit)	Lewat Jadual (Sakit): kurang daripada -10% atau 30 hari lewat berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak (mengikut mana yang terdahulu).	JPPI JDN

Jadual 1: Pemantauan Projek ICT Sektor Awam Berdasarkan Varian

3.2 Namun begitu pelaporan status kemajuan projek ICT sektor awam perlu mengikut **ketetapan sedia ada dalam sistem MyProjek**.

4. PEMANTAUAN PROJEK ICT PERINGKAT KEMENTERIAN DAN AGENSI

4.1 Di peringkat kementerian/agensi, **Jawatankuasa Pemandu ICT** berperanan seperti berikut:

- a. Memantau pelaksanaan semua projek ICT di peringkat kementerian/agensi sehingga projek disiapkan sepenuhnya.
- b. Menubuhkan pasukan Intervensi sekiranya status kemajuan projek ICT di kategori **lewat jadual** bagi mengenal pasti isu dan permasalahan serta mengemukakan syor penambahbaikan yang bersesuaian. Terma Rujukan dan Keahlian Pasukan Intervensi di peringkat kementerian/agensi adalah seperti di **Lampiran A1**.
- c. Melaksanakan intervensi awal ke atas projek ICT dengan varian kelewatan sehingga -10%, serta mengambil tindakan penyelesaian yang bersesuaian. Laporan intervensi tersebut hendaklah dikemukakan dalam masa 14 hari selepas intervensi dilaksanakan kepada urus setia JPPI seperti di **Lampiran A2**.
- d. Memastikan semua maklumat pelaksanaan projek ICT dalam Sistem Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan yang sedang dilaksanakan dikemas kini dan sentiasa terkini.
- e. Melaporkan status kemajuan pelaksanaan projek ICT di bawah JPPI kepada urus setia JPPI **secara bulanan** bermula daripada tarikh kelulusan JPICT kementerian/agensi atau JTISA seperti di **Lampiran A3**.
- f. Laporan bagi Lampiran A1, A2, dan A3 hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia JPPI di pautan <https://bit.ly/4I4vbIM> mengikut format yang telah ditetapkan.

5. PEMAKAIAN

- 5.1 Secara keseluruhannya, projek ICT lazimnya mempunyai tahap *visibility* rendah, yang menyebabkan kesukaran untuk mengenal pasti serta merapatkan jurang sekiranya berlaku varian kelewatan yang ketara. Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan, varian kemajuan projek **pada -1% ditetapkan sebagai indikator awal kelewatan** membolehkan tindakan kawalan dan intervensi dapat dilaksanakan dengan segera di peringkat agensi dan JPPI.
- 5.2 Bagi varian kelewatan projek antara -1% hingga -5%, tindakan intervensi akan dilaksanakan oleh JPPICT kementerian/agensi. Manakala bagi kelewatan yang melebihi -5%, intervensi akan dilaksanakan oleh JPPI.
- 5.3 Selain itu, penetapan varian kemajuan projek kurang daripada -10% atau mencatat kelewatan 30 hari membolehkan tindakan proaktif diambil lebih awal untuk mengelakkan projek berisiko gagal atau perlu ditamatkan. Pendekatan ini memastikan pemantauan projek ICT dilaksanakan secara lebih teratur, responsif dan berkesan selaras dengan keperluan pengurusan projek sektor awam.

**PASUKAN INTERVENSI PEMANTAUAN PROJEK ICT
PERINGKAT KEMENTERIAN**

Pengerusi: Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

Pengerusi Ganti : Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

Ahli-Ahli:

- (i) Wakil Bahagian Kewangan/Perolehan
- (ii) Wakil Bahagian Pembangunan
- (iii) Penasihat Undang-undang
- (iv) Ketua Audit Dalam

Ahli Jemputan:

Wakil jabatan/agensi di bawah kementerian berdasarkan isu yang dibincangkan.

Urus setia:

JPICT kementerian

* Nota :

Penubuhan pasukan intervensi di peringkat JPM dan agensi di bawahnya adalah di bawah tanggungjawab agensi masing-masing.

**PASUKAN INTERVENSI PEMANTAUAN PROJEK ICT
PERINGKAT KEMENTERIAN**

Terma Rujukan:

- (i) Melaksanakan intervensi bagi mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan projek ICT.
- (ii) Mengenal pasti tindakan dan cadangan penyelesaian bagi mengatasi isu dan masalah pelaksanaan projek ICT.
- (iii) Mengesyorkan cadangan penyelesaian bagi isu-isu berkaitan pelaksanaan projek ICT kepada urus setia JPPI.

FORMAT LAPORAN INTERVENSI PROJEK ICT SEKTOR AWAM

A. MAKLUMAT ASAS PROJEK

Bil.	Perkara		Keterangan/ Perincian
1.	Nama Projek	:	
2.	Kementerian/Agensi	:	
3.	Peneraju Projek	:	
4.	Pemilik Projek	:	
5.	Pelaksana Projek	:	
6.	Pelaksana Perolehan	:	
7.	Skop Projek	:	
8.	Elemen Bukan ICT	:	
9.	Kos Projek/Kontrak (RM)	:	
10.	RMK/RP (jika berkaitan)	:	
11.	Jenis Peruntukan	:	
12.	Kaedah Perolehan	:	
13.	Tarikh Lulus JPICT	:	dd/mm/yyyy
14.	Tarikh Lulus JTISA	:	dd/mm/yyyy
15.	Tempoh Kontrak	:	dd/mm/yyyy – dd/mm/yyyy (xx bulan)
16.	Tempoh Pembangunan/ Pelaksanaan	:	dd/mm/yyyy – dd/mm/yyyy (xx bulan)
17.	Tempoh Waranti	:	dd/mm/yyyy – dd/mm/yyyy (xx bulan)
18.	Kontraktor	:	
19.	Tarikh Pembangunan (Asal)		dd/mm/yyyy – dd/mm/yyyy
20.	Lanjutan Masa (EOT)	:	-jika ada -
21.	Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK)	:	-jika ada -
22.	<i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD)	:	-jika ada -

23.	Status Pelaksanaan Semasa (sehingga dd/mm/yyyy)	:	
a.	Prestasi Fizikal		
	Rancang (A)	:	
	Sebenar (B)	:	
	Varian (B-A)	:	
b.	Prestasi Kewangan		
	Rancang (A)	:	
	Sebenar (B)	:	
	Varian (B-A)	:	
24.	Perunding ICT JDN yang terlibat (sekiranya ada)	:	i. <Nama pegawai> ii.

B. MAKLUMAT SESI INTERVENSI

1. Tarikh Sesi Intervensi: _____

2. Ringkasan Isu Yang dikenal pasti

Bil.	Isu/Cabaran	Impak Terhadap Projek	Catatan Tambahan

3. Analisis Punca (*Root Cause Analysis*)

Bil.	Isu Utama	Punca	Bukti/Justifikasi

4. Keputusan Sesi Intervensi

Bil.	Syor/Keputusan	Justifikasi/Penjelasan

5. Jadual Pelaksanaan

- i) Asal
- ii) Baharu (Jika Berkaitan)
- iii) Nyatakan sama ada terdapat keperluan untuk pelarasan jadual projek.
 - (a) Tarikh Siap Dicadangkan: _____
 - (b) Perubahan *Milestone* Utama: _____
 - (c) Justifikasi Perubahan: _____

6. Hala Tuju Projek

Nyatakan ringkasan arah tuju projek selepas sesi intervensi, sebagai contoh:

- Penetapan semula objektif dan keutamaan projek.
- Penambahbaikan keperluan fungsian/teknikal.
- Penstrukturan semula pengurusan projek atau peranan pasukan.
- Penjadualan semula fasa pembangunan/ujian.
- Penentuan nilai tambah atau impak kepada penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Strategi memastikan projek kembali ke landasan (*on-track*).
- Keputusan sama ada diteruskan, dilanjutkan, dilaksanakan semula atau dihentikan (jika kritikal).

7. ULASAN URUS SETIA JPICT KEMENTERIAN

8. SENARAI KEHADIRAN PASUKAN INTERVENSI PEMANTAUAN PROJEK ICT PERINGKAT KEMENTERIAN

STATUS PELAPORAN PEMANTAUAN PROJEK ICT BAGI BULAN _____ TAHUN _____

**SENARAI PROJEK ICT RMK <Bilangan RMK> (RP1-RP5) BAGI <NAMA KEMENTERIAN>
SEHINGGA <TARIKH AKHIR KEMASKINI DATA DALAM MYPROJEK>**

BIL.	AGENSI PEMILIK	NAMA PROJEK	*STATUS PROJEK		STATUS SEMASA	SEBAB/ JUSTIFIKASI KELEWATAN
			FASA	STATUS KEMAJUAN		
1	XYZ	Projek Pembangunan Sistem Aplikasi 123	Pra Pelaksanaan	Belum Mula	Ikut Jadual	Tidak mengemas kini dalam Sistem MyProjek
2						

* Nota : Status Projek adalah mengikut status dalam Sistem MyProjek iaitu Pra Pelaksanaan, Dalam Pelaksanaan, Pasca Pelaksanaan, Siap Sepenuhnya, Siap Kemajuan dan Simpan Dalam Perhatian.